

# Raja Zarith Sofiah diisytihar Pro-Canselor UTM

www 16/3/03



RAJA ZARITH SOFIAH

SKUDAI 15 Mac — Isteri Tengku Mahkota Johor, Raja Zarith Sofiah telah diisytihar sebagai Pro-Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi menggantikan Tun Dr. Zahir Ismail yang meletakkan jawatan pada 21 Ogos tahun lalu.

Perisytiharan itu dibuat oleh Canselor UTM, Sultanah Zanariah Binti Almarhum Tunku Ahmad pada Konvokesyen Ke-30 UTM yang berlangsung di Dewan Sultan Iskandar, UTM, di sini, hari ini.

Raja Zarith anakanda Al-

marhum Sultan Perak, Sultan Idris Shah dilahirkan pada 14 Ogos 1959 dan merupakan puteri ketiga daripada tujuh beradik.

Baginda menerima pendidikan awal di Perak dan ketika berusia 13 tahun telah melanjutkan pelajarannya ke Kolej Wanita Cheltenham, Gloucestershire, Britain.

Raja Zarith kemudian meneruskan pengajiannya di Davies College di London dan menduduki peperiksaan di Oxbridge pada 1978.

Pada tahun 1979, baginda melanjutkan pengajian di Somerville College, Ox-

ford Universiti dan pada 1983 dan menamatkan pengajian dengan ijazah kepujian bahasa Cina.

Baginda yang berkahwin dengan Tengku Mahkota Johor, Tunku Ibrahim pada 1983 kini mempunyai lima cahaya mata dan meminati pengajian bahasa serta fasih berbahasa Perancis.

Di samping itu, baginda telah menulis empat buah buku kanak-kanak dalam bahasa Melayu dan aktif dalam kerja amal termasuk menjadi Timbalan Presiden Majlis Wanita Johor dan Presiden Persatuan Pandu Puteri Johor.